

# UMS, IPSOM jalin kerjasama berkaitan keselamatan perairan negeri

UM 8.1.8014 26

KOTA KINABALU 7 Jan. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalinkan kerjasama dengan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) dalam menjalankan penyelidikan berkaitan keselamatan perairan negeri ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah berkata, hasil kajian itu nanti akan menyumbang daripada segi saranan dan cadangan

kepada pihak berkuasa terutama Kementerian Dalam Negeri (KDN) berkenaan tindakan yang wajar diambil bagi memperketatkan keselamatan kawasan perairan Sabah.

Menurutnya, kerjasama itu merupakan usaha strategik apabila kepakaran kedua-dua pihak digabungkan.

"UMS memiliki kepakaran akademik dalam bidang sains sosial, kebudayaan, keselamatan dan lain-lain

lagi manakala IPSOM yang merupakan sebuah institusi di bawah KDN mempunyai kepakaran praktikal.

"Kita juga merasakan kerjasama ini tepat pada masanya kerana negeri ini pernah terdedah dengan ancaman jenayah dan isu keselamatan," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat tertutup antara UMS dan IPSOM dalam membincangkan usaha penyelidi-

kan secara terperinci di Bangunan Canselori di sini.

Tambah Harun, penyelidikan itu bukan sahaja bersifat akademik, sebaliknya mampu memberi impak kepada aspek pertahanan dan keselamatan negara.

Jelasnya, penyelidikan itu akan dimulakan dengan proses kajian sosial yang mengambil masa antara tiga hingga enam bulan.

"Penduduk di seluruh kawasan perairan negeri dari Kudat hingga Tawau dijangka terlibat dalam kajian sosial ini," katanya.

Beliau tidak menolak kemungkinan turut bekerjasama dengan pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) dan beberapa agensi lain seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).